



“  
Mereka tiada  
kelayakan sebagai  
pengamal  
perubatan estetik  
Sumber

Oleh Mohd Jamilul  
Anbia Md Denin  
anbia@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

**K**ebolehan dimiliki tidak terjangkau dek akal apabila mereka mampu 'mencipta' sesuatu yang tidak pernah wujud secara semula jadi pada wajah manusia.

Apa sahaja diidamkan sama ada hidung mancung, lesung pipit palsu, bibir merah mungil, bulu kening kekal atau memutihkan kulit secara ekspres mampu dilakukan dengan caj bayaran ribuan

# JADI CANTIK CARA HARAM

*Pakar estetik tak bertaulah warga Indonesia  
giat tawar khidmat kecantikan ditangkap*



ANTARA  
peralatan  
yang  
dirampas.

gigi dan pemutihan gigi secara haram.

“Semua barangan untuk rawatan estetik tidak berdaftar itu kemudian dirampas sebagai bahan bukti,” katanya.

Menurutnya, siasatan mendapati setiap pelanggan yang mahu mendapatkan khidmat di premis itu perlu membuat tempahan awal atau memperolehi nombor giliran.

“Ini membuktikan khidmat rawatan estetik haram di premis itu mendapat sambutan hangat ramai pelanggan tempatan termasuk ada yang sanggup ‘terbang’ dari Sabah dan Sarawak.



SEMUA gadis warga asing terbabit ditahan imigresen untuk tindakan lanjut.

ringgit.

Itu antara khidmat rawatan kecantikan estetik haram ditawarkan kepada kumpulan gadis warga Indonesia di sebuah premis kecantikan di Subang Jaya, Selangor, susulan risikan dan penyamaran dilakukan pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sejak beberapa bulan lalu.

Kegiatan menyalahi etika perubatan itu dibongkar susulan operasi khas dilakukan sekumpulan pegawai KKM bersama sepasukan anggota Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), baru-baru ini.

Sumber berkata, rawatan estetik haram itu yang

diiklankan melalui media sosial termasuk TikTok mendapat sambutan luar biasa membabitkan golongan gadis, wanita bekerja, artis dan golongan orang kenamaan (VIP).

“Tanpa sebarang latar belakang pendidikan dalam bidang perubatan, rata-rata gadis ‘seberang’ berusia awal 20-an ini berlagak tidak ubah seperti doktor atau pengamal perubatan estetik bertauliah,” katanya.

Sumber berkata, ketika serbuan dilakukan jam 12 tengah hari, pihak KKM mendapati kumpulan wanita warga asing terbabit sedang memberi ‘rawa-

# RM300k

Nilai denda di bawah Akta 586 dihadapi lima gadis yang ditahan

tan kepada beberapa pelanggan tempatan.

“Hasil pemeriksaan lanjut mendapati kesemua mereka tiada kelakuan sebagai pengamal perubatan estetik serta berani melakukannya secara haram.

“Rata-rata mereka memasuki negara ini dan menyalahguna pas pelancong sebelum diambil berkhidmat di pusat kecantikan itu. Berdasarkan soal siasat awal, mereka mendakwa menerima latihan dan tunjuk ajar melakukan pelbagai bentuk rawatan itu dari pemilik premis yang juga bukan doktor bertauliah,” katanya.

Menurutnya, seorang lelaki yang dipercayai rakan kongsi pemilik premis berusia 30-an turut disoal siasat dan diambil keterangan.

“Pegawai KKM turut memeriksa tingkat tiga premis itu sebelum menemui bukti deretan katil yang digunakan ketika sesi rawatan pelanggan.

“Turut ditemui bukti pelbagai picagari, cecair kimia dan alatan khusus digunakan. Siasatan turut mendapati premis itu menawarkan perkhidmatan veneer gigi, pendakap

“Susulan itu kelima-lima gadis warga asing terbabit ditahan pihak JIM untuk siasatan dokumentasi. Di samping itu siasatan turut dilakukan KKM mengikut Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586] kerana disyaki menyediakan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (KPJKS) tidak berdaftar atau berlesen selaras dengan ketetapan Seksyen 3 dan / atau Seksyen 4, Akta 586 dan boleh disabitkan kesalahan mengikut Seksyen 5, akta sama.

“Mana-mana individu yang didapati melakukan kesalahan di bawah seksyen ini, boleh didenda tidak melebihi RM300,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya.

“Tindakan pengusaha salun kecantikan itu jelas menyalahi undang-undang berikutan hanya pengamal perubatan berdaftar sahaja yang dibenarkan melaksanakan apa-apa prosedur estetik di Malaysia,” katanya.

Pada 21 Februari lalu, seramai 21 wanita warga asing membabitkan lima wanita Indonesia dan 16 wanita Vietnam ditahan pihak JIM selepas dikesan menawarkan rawatan kecantikan anggota badan dan juga perkhidmatan rawatan pergigian secara haram.